

PELADANG

Pada aku bergantung beberapa harap

P Fakir pandai menyuruh kerap

Pucuk kemajuan akulah memirap

Pelombong penempa berkencang kirap

Lunas kesihatan padaku handal

L Lamun aku berkeadaan madal

Lain pekerja semua sempodal

Lemah sekalian kaum pemodal

Apabila keadaanku tak huru hara

Elak kesenangan jauh mara

A Ahli buruh tenaga tak lara

Ahli perniagaan senang berbicara

Diberkatkan Allah berganda-ganda

Dengan peladang dibenci tiada

D Dikasih rakyat dipuji berganda

Demikianlah halnya dipandang ada

Ngerjakan ladang hendaklah garang

NG Ngukuhkan semangat kedap tak sirang

Ngelokkan fikiran jangan bercarang

Ngeluarkan tenaga sentiasa tak jarang

Harun D.L Singapura

dengan jelasnya) nescaya bercita-cita suatu kumpulan di antara mereka hendak menyesatkanmu (daripada menjalankan hukuman yang benar pada hal mereka tahu bahawa perkara itu salah). Tidaklah mereka menyesatkan melainkan diri mereka sendiri, dan tidak boleh mereka membahayakan mu (kerana engkau maksum – terpelihara daripada melakukan dosa). Allah menurunkan Quran dan ilmu pengetahuan kepadamu dan diajarkannya apa-apa yang belum engkau ketahui. Adalah limpah kurnia Allah kepadamu – hai Muhammad – terlalulah besarnya.

Setelah rahsia Ta'amah – si pencuri itu – terhebah maka iapun melarikan diri dari Madinah menuju ke Mekkah lalu berpaling tадah daripada Islam (murtad). Tetapi oleh kerana tabiat mencuri itu telah menjadi daging darahnya maka iapun melakukannya berkali-kali, sehingga pada

P

WASIAH YANG BERHARGA

Janganlah orang merasa malu berkata “tak tau” apabila ditanya perkara yang ia tak tau : Dan janganlah orang malu belajar apa yang ia tidak tau – baginda Ali.

-----*-----*

Sabar itu dua macam: Sabar dalam menjauhkan apa yang engkau tidak suka dan sabar di dalam mengajar apa yang engkau suka – baginda Ali.

-----*-----*

Barangsiapa menjadikan dirinya seorang ketua, maka hendaklah ia mulai mengajar dirinya sebelum ia mengajar orang lain - baginda Ali.

-----*-----*

Jangan hinakan usaha orang yang lemah, kerana terkadang-kadang ular yang besar boleh mati dengan sengatan kala jengking – syair Islam.

-----*-----*

Yang terlebih baik daripada kebaikan itu ialah orang yang berbuat kebaikannya; dan yang lebih jahat daripada kejahatan itu ialah orang yang mengerjakan kejahatan – al-Muqri.

-----*-----*

Menolak dengan cara yang halus itu lebih baik daripada memberi dengan cara yang kasar. – hakim Islam.

-----*-----*

Pandanglah manusia itu seperti ibu, saudara anakmu, seterusnya buatlah baik kepada ibu bapamu, dan tolonglah saudaramu, dan kasihanilah anakmu – hakim Islam.

suatu hari ia telah terperangkap lalu direjam oleh orang ramai dengan batu sehingga mati.

Demikianlah keadilan yang dianjurkan oleh Islam meliputi hatta kepada orang Yahudi yang terkenal menjadi musuh ketatnya.

Maha Suci Tuhan.